



Kuala Lumpur

Kerajaan dicadang memperkenalkan dan mewajibkan kursus prapenyewaan bagi memberi kesedaran serta pengetahuan kepada bakal penyewa Program Perumahan Rakyat (PPR) sebagai usaha memastikan persekitaran perumahan itu lebih kondusif.

Pensyarah Kanan Pengajian Harta Tanah, Kolej Pengajian Alam Bina Universiti Teknologi Mara (UiTM), Shah Alam Prof Madya Dr

Mona Isa berkata senario sebelum ini, kerajaan terpaksa mengeluarkan perbelanjaan yang banyak untuk memperbaiki kemudahan rosak di PPR seperti lif akibat vandalisme.

"Saya ada buat kajian pengurusan penyewaan bersama Dewan Bandaraya Kuala Lumpur, ramai daripada mereka yang tinggal di PPR tidak mengetahui sistem pe-

ngurusan rumah strata, apa yang boleh buat dan apa tidak boleh buat.

"...bayaran sewa rumah juga rendah sedangkan kos selenggara bangunan itu tinggi. Jadi kerajaan tidak dapat tampung kos sepenuhnya. Kalau kita tidak dapat ubah mentaliti penyewa, (maka) masalah vandalisme, lif rosak dan sampah yang dibuang merata-rata tidak da-

pat diselesaikan," katanya kepada Bernama.

Dalam Belanjawan 2023 dibentangkan kelmarin, Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim mengumumkan kerajaan menerusi Kementerian Pembangunan Kerajaan Tempatan dipe-
runtukkan RM50 juta bagi memastikan keadaan yang selamat di PPR.

Turut diumumkan dalam

Belanjawan 2023 ialah kerja penyelenggaraan dan pembaikan 87 lif ditingkatkan kepada RM1.2 juta berbanding RM500,000.

Selain itu, Mona berkata kriteria pemohon untuk menyewa PPR juga harus diperketat mengambil kira gaji dan tidak mempunyai hutang tertunggak selain rekod mereka bersih dalam Sistem Maklumat Rujukan Kredit

Pusat (CCRIS).

Sementara itu, Pensyarah Kanan Fakulti Ekonomi dan Pengurusan Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) Dr Mustazar Mansur berkata pengecualian duti setem bagi rumah lebih RM500,000 hingga RM1 juta yang diumumkan pula memberi penjimatan pembelian rumah bagi golongan M40.

"Katakanlah sekiranya nilai RM15,000 duti setem rumah harga RM500,000. Penjimatan yang boleh dilakukan pembeli rumah dengan pengecualian 75 peratus ialah RM11,250.

"Jadi dengan nilai yang banyak hasil pengecualian itu dapatlah digunakan bakal pembeli rumah untuk digunakan bagi persediaan lain," katanya.

PERUNTUKAN RM50 JUTA UNTUK PPR

WAJIBKAN KURSUS SEBELUM SEWA